

Headline	Halal Mart tawar 200 produk		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	17 May 2012	Color	Full Color
Section	News	Circulation	231,163
Page No	n14	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	373 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,320
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,960



Halal Mart tawar 200 produk

Premis di Pusat Islam Universiti Teknologi Malaysia dapat sambutan



Oleh Mahani Ishak
bhjb@bharian.com.my

SKUDAI: Prihatin keperluan hampir kebanyakan pengguna Islam terutama yang sedang bermusafir, Pusat Islam Universiti Teknologi Malaysia (UTM) membuka kedai serbaneka dikenali sebagai Halal Mart, yang menawarkan pelbagai barangan keperluan memenuhi kehendak semua lapisan masyarakat.

Halal Mart yang beroperasi hampir setahun lalu dengan menawarkan lebih 200 produk halal dan keperluan umat Islam itu beroperasi di Masjid Sultan Ismail di sini, mendapat sambutan menggalakkan terutama di kalangan pelajar antarabangsa UTM berikutan harganya murah dan mudah dikunjungi.

Timbalan Pengarah Pusat Islam UTM, Dr Mohd Ismail Mustari, berkata penubuhan Halal Mart itu bagi memenuhi petunjuk prestasi utama (KPI) Masjid Inovasi peringkat kebangsaan sekali gus menjadi universiti pertama mempunyai kedai membekalkan produk halal.

"Semua keperluan boleh didapati di sini meliputi keperluan solat, peribadi, produk mandian, cenderahati, makanan dan minuman serta barangan haji dan umrah yang dijual dengan harga berpatutan yang diambil menerusi pengedar di Kuala Lumpur dan secara langsung dari Asia Barat.

"Ketika mula beroperasi dulu, kami hanya mampu menawarkan 90 jenis barangan, tetapi kini jumlahnya meningkat berikutan perkembangan Halal Mart kerana terletak berdekatan masjid, selain banyak barangan yang ditawarkan di sini diperolehi di tempat lain," katanya.

Produk cuka kurma yang diimport dari Mesir yang terkenal dalam perubatan Islam adalah antara produk terlaris dengan purata 100 botol sebulan berikutan kandungan pelbagai jenis buah-buahan yang diperam kerana harganya serendah RM20.

"Kami memulakan operasi Halal Mart ini dengan modal permulaan

Headline	Halal Mart tawar 200 produk		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	17 May 2012	Color	Full Color
Section	News	Circulation	231,163
Page No	n14	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	373 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,320
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,960

RM15,000 dan pendapatan hasil jualan itu dijadikan modal pusingan untuk menambah bilangan jenis barangan di sini. Keseluruhan nilai barangan kini berjumlah RM200,000 dan mempunyai aliran tunai RM20,000 sebulan.

“Dengan menyasarkan semua peringkat usia, ramai lebih selesa membeli kelengkapan harian kerana harganya murah dan dijual dalam universiti. Selain itu, kami juga menjadi pusat pengedaran makanan halal yang diusahakan suri rumah serta usahawan kecil bagi membolehkan mereka menambah pendapatan,” katanya.

Halal Mart menjual pakaian wanita, lukisan dinding menggunakan ayat al-Quran, minyak zaitun, minuman, ubat gigi, permainan kanak-kanak dan dewasa, kerepek, aiskrim, roti, buku agama dan mahu melebarkan bidang perniagaan lebih meluas supaya memenuhi keperluan muslimin.

Pusat Islam itu mengendalikan seminar dan ceramah agama berhasrat mewujudkan pusat setempat yang menjadi tumpuan pelajar antarabangsa kerana banyak produknya diimport dari negara luar dan menerima pesanan hingga ke pintu rumah.

Halal Mart beroperasi antara jam 8 pagi hingga 6 petang pada hari bekerja dan Sabtu dan Ahad dibuka

lebih awal iaitu jam 6.30 pagi hingga 6 petang. Pertanyaan lanjut boleh dibuat menerusi telefon 019-757 5007 dengan menghubungi Pengurus Halal Mart, Mohd Nazri Abdul Karim.



MOHD ISMAIL menunjukkan barangan di Halal Mart, Pusat Islam UTM, Skudai.